

=====

**TEKS UCAPAN  
PENGERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
DI  
MAJLIS SANTAPAN MALAM SEMPENA SAMBUTAN  
JUBLI EMAS SPA**

**BERSAMA SPB YANG DIPERTUAN AGONG DAN SPB  
RAJA PERMAISURI AGONG**

**TARIKH : 28 APRIL 2008 (ISNIN)  
MASA : 8.00 MALAM  
TEMPAT : GRAND BALLROOM 1 & 2  
KUALA LUMPUR CONVENTION  
CENTRE (KLCC)**

1

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.**

**MENGADAP SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DIPERTUAN AGONG, AL-WATHIQU BILLAH  
TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN IBNI AL-MARHUM  
SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

**MENGADAP SERI PADUKA BAGINDA  
RAJA PERMAISURI AGONG TUANKU NUR ZAHIRAH**

2

AMPUN TUANKU,

PATIK BAGI PIHAK SELURUH WARGA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (SPA) MERAFAK SEMBAH DAN MENJUNJUNG KASIH, DI ATAS PERKENAN SERI PADUKA BAGINDA BERDUA, BERANGKAT KE MAJLIS SANTAPAN MALAM SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS SPA PADA MALAM YANG BERMAKNA INI. SESUNGGUHNYA KEBERANGKATAN TUANKU BERDUA

3

KE MAJLIS SANTAPAN INI AMAT BESAR MAKNANYA BAGI PATIK SEKALIAN. INI MELAMBANGKAN KEPRIHATINAN DAN KASIH SAYANG TUANKU YANG SENTIASA MENAUNGI PATIK SEKALIAN.

PADA KESEMPATAN INI, PATIK POHON LIMPAH PERKENAN SERI PADUKA BAGINDA TUANKU, UNTUK MENYEMBAH MAKLUM, BAHAWA PENGANJURAN

4

MAJLIS SANTAPAN MALAM INI ADALAH SEBAGAI MEMPERINGATI TARIKH BERMULANYA PENUBUHAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM PADA 31 OGOS 1957 IAITU BERSAMAAN DENGAN TARIKH KEMERDEKAAN NEGARA. MAJLIS INI ADALAH KEMUNCAK KEPADA ACARA-ACARA SAMBUTAN JUBLI EMAS YANG TELAH DISEMPURNAKAN BERTUJUAN MERAPATKAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

5

DENGAN PELANGGAN DAN MENJELASKAN PERANAN, FUNGSI DAN AKTIVITI SPA KEPADA MASYARAKAT MALAYSIA AMNYA.

AMPUN TUANKU,

SEBAGAIMANA YANG DISEBUT DALAM PERKARA 139(4), PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN, AHLI-AHLI

6

SURUHANJAYA DILANTIK OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG. ATAS KEPERCAYAAN DAN PERKENAN TUANKU, PATIK DAN AHLI-AHLI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA BERJANJI DAN BERIKRAR AKAN SENTIASA MEMASTIKAN AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB DALAM MELAKSANAKAN FUNGSI-FUNGSI SURUHANJAYA SENTIASA DIUTAMAKAN DALAM APA JUA TINDAKAN.

7

SESUNGGUHNYA PATIK DAN SEMUA AHLI SURUHANJAYA SERTA WARGA SPA JUGA BERIKRAR AKAN SENTIASA **TAAT** DAN **SETIA** KEPADA TUANKU DAN NEGARA, SERTA AKAN TERUS MENCURAHKAN KHIDMAT BAKTI YANG TERBAIK DEMI MELAHIRKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG BERINTEGRITI DAN CEMERLANG.

8

AMPUN TUANKU,

PATIK POHON LIMPAH PERKENAN SERI PADUKA  
BAGINDA TUANKU, UNTUK MENYAMPAIKAN UCAPAN  
PATIK, KEPADA HADIRIN SEKALIAN.

YANG AMAT BERTHORMAT

DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI

PERDANA MENTERI MALAYSIA

9

DAN YANG AMAT BERBAHAGIA DATIN SERI JEANNE  
ABDULLAH

YANG BERBAHAGIA

TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

DAN YANG BERBAHAGIA

PUAN SRI WAN NOORLINA BINTI WAN HUSSIN

10

YANG BERBAHAGIA TAN SRI ISMAIL ADAM  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA TAN SRI-TAN SRI, DATO' SERI,  
DATUK-DATUK, DATIN-DATIN, DIF-DIF JEMPUTAN,  
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN/JABATAN,  
AHLI-AHLI SURUHANJAYA, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN  
PARA HADIRIN SEKALIAN.

11

SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI,  
MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN  
TERIMA KASIH DI ATAS KESUDIAN YANG AMAT  
BERHORMAT PERDANA MENTERI MALAYSIA, DIF-DIF  
JEMPUTAN DAN PARA HADIRIN SEKALIAN, YANG SUDI  
MELUANGKAN MASA, UNTUK BERSAMA-SAMA DI MAJLIS  
SANTAPAN MALAM SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS  
SPA.

12

SAMBUTAN JUBLI EMAS SPA TELAH DIMULAKAN DENGAN MAJLIS PELANCARAN DAN PERASMIAN OLEH Y.A.B TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA PADA 24 JANUARI 2008 YANG LALU DI PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE. SEMPENA MAJLIS TERSEBUT PAMERAN SEMPENA 50 TAHUN PENUBUHAN SPA DAN PAMERAN KERJAYA DARI

13

PELBAGAI AGENSI KERAJAAN TELAH DIADAKAN BAGI MEMBOLEHKAN ORANG RAMAI DAN PELANGGAN SPA TURUT SERTA DALAM AKTIVITI TERSEBUT. PAMERAN KERJAYA JUGA DIADAKAN DI MIDVALLEY, MEGAMALL PADA 16-17 FEBRUARI 2008 DAN AKHIR SEKALI LARIAN JUBLI EMAS SPA PADA 23 FEBRUARI 2008. PROGRAM DAN ACARA YANG DISUSUN INI SEBENARNYA MERUPAKAN ACARA BAGI MENDEKATKAN SPA DENGAN

14

PELANGGAN DAN MASYARAKAT UMUM SEBAGAI USAHA MENINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN SECARA LEBIH BERKESAN YANG AMAT DITITIKBERATKAN OLEH SPA.

JUBLI EMAS BERMAKSUD GENAP 50 TAHUN PENUBUHAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM DAN SPA AKAN TERUS BERTEKAD UNTUK

15

MEMEGANG AMANAH SERTA MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWABNYA DENGAN CEMERLANG. CABARAN YANG TETAP MENJADI DORONGAN KEPADA SPA PADA SETIAP MASA IALAH UNTUK MENGENALPASTI DAN MEMILIH CALON YANG PALING SESUAI UNTUK MENYERTAI PERKHIDMATAN AWAM – SESUAI DARI ASPEK KELULUSAN AKADEMIK YANG TINGGI DARIPADA PELBAGAI JURUSAN YANG DIPILIH

16



DAN MEMILIKI SAHSIAH DIRI YANG MANTAP DARI SEGI INTEGRITI DAN PERIBADI. UNTUK MAKSUD INI, BERBAGAI KAEDAH SERTA PENDEKATAN PENGAMBILAN TELAH SEDIA DIAMALKAN OLEH SPA UNTUK MENCARI CALON YANG PALING LAYAK DAN SESUAI.

17

SEBAGAI LANGKAH PROAKTIF UNTUK MEMPERCEPATKAN URUSAN PELANTIKAN GRADUAN DALAM JURUSAN KRITIKAL, SPA TELAH MEMULAKAN SISTEM TEMU DUGA KEPADA PELAJAR DALAM BIDANG PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI YANG BERADA DI TAHUN AKHIR SEBELUM MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR. TAWARAN JAWATAN TETAP KEPADA MEREKA DIKELUARKAN SETELAH MEREKA LULUS PEPERIKSAAN.

18

DENGAN CARA INI, GRADUAN INI AKAN DAPAT MEMBERI KHIDMAT KEPADA MASYARAKAT SEBAIK SAHAJA MENAMATKAN PENGAJIAN DENGAN JAYANYA.

SEBAGAI USAHA MENDAPATKAN MODAL INSAN YANG CEMERLANG MENGANGGOTAI PERKHIDMATAN AWAM, SPA TELAH MEMULAKAN LANGKAH MENJALANKAN TEMU DUGA TERBUKA DI LUAR NEGARA BUKAN

19

SAHAJA UNTUK PELAJAR TAHUN AKHIR DALAM BIDANG PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI BAHKAN JUGA DALAM BIDANG-BIDANG LAIN SEPERTI KEJURUTERAAN, EKONOMI, DAN PENGURUSAN. SETAKAT INI URUSAN TEMU DUGA INI TELAH DAPAT DILAKSANAKAN DI RUSSIA, UNITED KINGDOM DAN IRELAND. SAMBUTAN DARIPADA PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA YANG BERKALIBER DAN BERKELAYAKAN TINGGI ADALAH

20

SANGAT MENGGALAKKAN DARIPADA UNIVERSITI-  
UNIVERSITI TERKEMUKA DI NEGARA-NEGARA  
TERSEBUT. SEBAHAGIAN MEREKA SELEPAS  
DITEMUDUGA TELAH DITAWARKAN JAWATAN-JAWATAN  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DALAM  
PERKHIDMATAN AWAM.

21

DI MASA HADAPAN SPA AKAN MEMPERBANYAKKAN  
LAGI PAMERAN KERJAYA DAN TEMU DUGA TERBUKA  
DI DALAM DAN DI LUAR NEGARA BAGI MENGGALAKKAN  
CALON-CALON TERBAIK MENYERTAI PERKHIDMATAN  
AWAM. LANGKAH INI ADALAH SEBAGAI LANGKAH  
TAMBAHAN KEPADA KAEDAH PERMOHONAN JAWATAN  
SEPANJANG MASA DI BAWAH SISTEM E-SMSM YANG  
TELAH DILAKSANAKAN OLEH SPA SEKIAN LAMA.

22

DALAM USAHA MENINGKATKAN CALON BUKAN BUMIPUTERA MENGGANGGOTAI PERKHIDMATAN AWAM, SPA TELAH MENYIARKAN IKLAN-IKLAN KHAS DALAM BAHASA CINA DAN TAMIL DI AKHBAR TERTENTU SERTA MENGADAKAN TAKLIMAT KERJAYA DI SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TERPILIH, SERTA KOLEJ/UNIVERSITI SWASTA.

23

UNTUK MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTRA SABAH DAN SARAWAK DALAM PERKHIDMATAN AWAM SPA JUGA TURUT MENYIARKAN IKLAN-IKLAN DI AKHBAR TEMPATAN DISABAH DAN SARAWAK. PAMERAN-PAMERAN KERJAYA JUGA DIADAKAN OLEH PEJABAT SPA SABAH DAN SARAWAK UNTUK

24

MENYAMPAIKAN MAKLUMAT KEPADA PENDUDUK DI PEDALAMAN SABAH DAN SARAWAK.

ADALAH MENJADI HARAPAN WARGA SPA BAHAWA PENDEKATAN-PENDEKATAN INI DAPAT MENGHADAPI CABARAN-CABARAN MEMBERI PERKHIDMATAN TERBAIK KEPADA PELANGGAN-PELANGAN SPA. SPA TURUT AKAN MENGGUBAL TATACARA SARINGAN YANG

25

LEBIH PROFESSIONAL DAN OBJEKTIF MEMANDANGKAN PERMOHONAN YANG BERTAMBAH UNTUK MEMASUKI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN DEMI TAHUN.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN DI SINI UNTUK MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA KETUA-KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI,

26

PENGERUSI SPA NEGERI DAN KETUA-KETUA JABATAN YANG TELAH MEMBERI KERJASAMA DAN SOKONGAN KEPADA SPA DALAM MENJALANKAN URUSAN PENGAMBILAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM. INI TERMASUKLAH KERJASAMA DALAM BENTUK MENYEDIAKAN WAKIL JABATAN DALAM URUSAN

27

TEMUDUGA, MENYEDIAKAN TEMPAT TEMUDUGA, MENYEDIAKAN PENGAWAS-PENGAWAS UNTUK PEPERIKSAAN DAN SEBAGAINYA. DENGAN KERJASAMA YANG DIBERI INI TUGAS YANG DIAMANAHKAN KEPADA SPA MENJADI LEBIH MUDAH UNTUK DILAKSANAKAN.

AMPUN TUANKU,

28

BAGI MENGAKHIRI SEMBAH UCAPAN INI, PATIK SEKALI LAGI MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS PERKENAN SERI PADUKA BAGINDA TUANKU BERDUA, UNTUK BERANGKAT KE MAJLIS YANG AMAT BERMAKNA PADA MALAM INI.

SEKIAN, ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULAH  
WABARAKATUH.

AMPUN TUANKU.